

Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Peserta perkhemahan telah dibahagikan _____ beberapa kumpulan mengikut unit beruniform.
- A kepada
 - B antara
 - C dalam
 - D dengan
- 2 Amirah _____ berkelah bersama keluarga semasa cuti sekolah yang lalu.
- A risau
 - B hampa
 - C kagum
 - D seronok

Soalan 3

- 3 *Pilih ayat yang betul.*
- A Bapa menghadiahkan sebuah tablet kepada kakak.
 - B Akmal membeli seuntai jam tangan di kedai jam.
 - C Harga sebiji vakum agak mahal di pasaran.
 - D Ibu Lydia memasukkan beberapa bilah batu kecil ke dalam dron pintar.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Salman dan keluarganya pulang ke kampung. Mereka ingin melawat datuk dan nenek. Kebetulan, waktu itu merupakan musim buah-buahan. Di dusun datuknya terdapat banyak pokok buah. Datuknya menanam pokok pisang, langsung, rambutan dan kelapa. Buah-buahan itu dijual di pasar tani.

Pada suatu petang, Salman memanjat sebatang pokok rambutan. Pokok itu berbuah lebat. “Salman, jangan panjat pokok itu, nanti jatuh,” kata datuknya. Salman segera turun dari pokok. Tiba-tiba, dahan pokok rambutan patah. Salman terjatuh ke tanah tetapi dia bersyukur kerana mengalami cedera ringan sahaja. Sejak kejadian itu, Salman sentiasa berhati-hati sebelum melakukan sesuatu tindakan.

- 4 Mengapakah Salman pulang ke kampung?
 - A Menanam pokok buah.
 - B Menjual buah-buahan.
 - C Melawat datuk dan nenek.
 - D Memanjat pokok rambutan.
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
 - A Datuk menanam pokok kelapa, manggis dan langsung.
 - B Datuk melarang Salman memanjat pokok rambutan.
 - C Salman menjual buah-buahan datuknya di pasar tani.
 - D Salman berhati-hati ketika memanjat pokok rambutan.
- 6 Berikut ialah nilai-nilai murni yang ada pada Salman berdasarkan petikan *kecuali*
 - A bersyukur.
 - B berhati-hati.
 - C ramah mesra.
 - D mendengar nasihat.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1**BAHAN 2**

Aiman dan kawan-kawannya mengikuti rombongan ke Zoo Negara. Mereka ke sana menaiki bas. Apabila sampai di sana, mereka melihat banyak haiwan.

Aiman: Wah, besarnya haiwan ini!

Cikgu Linda: Ini badak sumbu, Aiman.

Hadif: Cikgu, mengapakah haiwan ini jarang ditemui?

Cikgu Linda: Haiwan-haiwan *liar* seperti ini jarang ditemui kerana hampir pupus.

Aiman: Jadi, apakah yang perlu kita lakukan?

Cikgu Linda: Kita perlu menjaga dan melindungi semua haiwan ini dengan sebaiknya. Kita juga perlu memastikan makanannya mencukupi dan tempat tinggal yang sesuai.

7 Haiwan liar jarang ditemui kerana

- A hampir pupus.
- B saiz yang besar.
- C dilindungi manusia.
- D makanan mencukupi.

8

Mereka ke sana menaiki bas.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A biji.
- B buah.
- C baris.
- D bentuk.

9 Perkataan *liar* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A tua.
- B buas.
- C lama.
- D lagak.

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Aiman mendapat cabutan bertuah.
- B Aiman membawa kawan-kawannya pergi ke Zoo Negara.
- C Haiwan liar dan besar yang dilihat oleh Aiman ialah badak sumbu.
- D Rombongan ini diadakan untuk melindungi haiwan-haiwan daripada pupus.

Bahagian B
[10 markah]

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Ayah Amira ada sebuah kereta berjenama Proton Iswara. Kereta itu dibuat di sebuah kilang di Shah Alam. Badan kereta itu diperbuat daripada besi dan dicat dengan warna biru.

Kereta itu digunakan oleh ayahnya untuk pergi ke tempat kerja dan menghantar Amira ke sekolah. Oleh itu, Amira sekeluarga bersyukur kerana memiliki kereta itu. Setiap hujung minggu, ayah Amira akan membasuh kereta tersebut.

- 1 (a) Warna kereta ayah Amira ialah _____.

[1 markah]

- (b) Mengapakah Amira sekeluarga bersyukur mempunyai kereta tersebut?

_____ [2 markah]

- (c) Gariskan **satu kata nama am** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Kereta itu dibuat di sebuah kilang di Shah Alam.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Setiap hujung minggu, ayah Amira akan membasuh kereta.

Ayah Amira akan membasuh keretanya setiap hujung minggu.	
Ayah dan Amira akan membasuh kereta setiap hujung minggu.	

[1 markah]

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.***

2

Kamu dan rakan-rakan memancing ikan di sawah padi. Tiba-tiba, kawan kamu menjerit kerana jarinya tersangkut pada mata kail.

Apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

[5 markah]


Bahagian C
[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan suasana semasa pulang dari sekolah.

Tuliskan pendapat kamu tentang cara-cara menjaga keselamatan diri semasa pulang dari sekolah.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.




[10 markah]

Bahagian D
[20 markah]

*Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**.*

*Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.*

AKTIVITI BERSAMA-SAMA KELUARGA



[illegible]